

TARIKH	26 / 2 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	Setempat

## Pulangan lebih lumayan

Bonus tahunan Tabung Haji tiga mata asas lebih tinggi berbanding bank komersial



Oleh Yuslira Yakimir Abd Talib  
yuslira@mediaprima.com.my

**P**erembangan positif sektor ekonomi negara pada kadar 4.7 peratus tahun lalu secara tidak langsung memberi manfaat kepada Lembaga Tabung Haji (TH) untuk menjana pulangan pelaburan yang baik. Dengan usia separuh abadnya, sekali gus menyambut ulang tahun Jubli Emas, terlaya 2013 cukup istimewa bagi TH apabila diseriakan dengan prestasi kewangan membanggakan terutama dalam catatan pendapatan melebihi RM3 bilion buat julung kalinya.

Keuntungan selepas zakat agensi itu juga buat kali kedua berturut-turut direkodkan melebihi RM2 bilion. Sememangnya TH sentiasa mencari ruang mendapatkan pulangan lebih baik bagi meningkatkan simpanan pendeposit untuk menunaikan haji seiring matlamat penubuhannya dalam membantu bakal jemaah menyimpan untuk tujuan ibadat itu.

Dalam hal ini, penyimpanan bukan saja menerima bonus tahunan enam peratus, malah bonus tambahan sebanyak dua peratus dilenail sebagai Bonus Haji turut diberikan kepada 77 juta pendeposit memabitkan aghian kewangan sebanyak RM223 juta.

Keutamaan Bonus Haji pada tahun ini diberikan kepada pendeposit yang masih belum mempunyai simpanan cukup untuk menunaikan haji. Ia mengukuhkan lagi liltizam TH dalam menjaga kebajikan penyimpan kurang berkemampuan selain daripada pemberian subsidi tahunan sedia ada.

Berdasarkan sumber Bank Negara Malaysia (BNM), kadar pulangan akaun deposit tetap perbankan Islam dan konvensional tahun lalu masing-masing 2.99 dan 3.15 peratus manakala bonus tahunan TH adalah tiga mata asas lebih tinggi daripada bank komersial berkenaan.

Ini menunjukkan pulangan lebih kompetitif ditawarkan TH jika dibandingkan dengan kadar pulangan daripada akaun deposit tetap perbankan Islam dan konvensional lain.

Pembayaran bonus ini juga sudah mengambil kira pembayaran zakat perniagaan TH bagi tahun kewangan 2013 sebanyak RM52.9 juta yang akan dibuat kepada pusat pangutan zakat negeri dalam tempoh terdekat.

Keupayaan ini pastinya didorong oleh pembabitan TH sama ada secara langsung atau tidak dalam pelbagai sektor melalui aktiviti pelaburan patuh syariahnya sehingga mampu menjana peningkatan dalam pendapatan keseluruhan berjumlah RM3.7 bilion.

Secara asasnya, sumber utama pendapatan TH terdiri pelaburan ekuiti yang menyumbang

58 peratus, pelaburan sekuriti hutang 14 peratus, pasaran wang dan instrumen kewangan lain 10 peratus serta sewaan, pembiayaan dan lain-lain 18 peratus.

Pendapatan ini meningkat 34 peratus atau RM951 juta berbanding RM2.8 bilion pada 2012 yang turut menyaksikan ia melebihi tiga kali ganda pendapatan TH pada 2006.


Malah, keuntungan bersih selepas zakat yang mencecah RM2.6 bilion pada 2013 berbanding RM2.1 bilion pada tahun sebelumnya juga menunjukkan peningkatan 23 peratus serta empat kali ganda jika dibandingkan dengan 2006.

Ia juga menghasilkan nilai tambah sebanyak RM11.8 bilion kepada dana pendeposit sejak 2006.

Dalam pada itu, jumlah aset pelaburan 2013 TH pula terus mencatatkan pertumbuhan sihat sebanyak 20 peratus kepada RM47.9 bilion daripada RM39.8 bilion pada tahun sebelumnya.

Ia meliputi peruntukan ishtikal pelaburan dalam hartanah sebanyak 12 peratus, ekuiti 37 peratus, pendapatan tetap 26 peratus serta pasaran wang dan instrumen kewangan lain 25 peratus.

Kini, TH terus mendapat kepercayaan umat Islam di negara ini saban tahun apabila bilangan pendeposit bertambah kepada 8.3 juta dengan dana terkumpul meningkat kepada RM43.1 bilion lalu peningkatan



Sumber Pendapatan	2012		2013	
	%	RM (juta)	%	RM (juta)
Ekuiti -Urusniaga	42	1,161	46	1,731
Ekuiti - Dividen	19	529	12	456
Sekuriti Hutang	18	516	14	518
Pasaran Wang & Instrumen Lain	10	277	10	361
Sewaan	8	220	8	311
Pembiayaan	2	51	4	145
Lain-lain	1	25	6	208
<b>Jumlah</b>		<b>2,779</b>		<b>3,730</b>

Grafik: Harian Metro, Fahmy Hashim



13 peratus berbanding 2012 berjumlah RM38.3 bilion. Dana pendeposit meningkat hampir tiga kali ganda

sejak awal 2006, sekali gus menunjukkan keyakinan dan kesetiaan pendeposit kepada TH. Meskipun sentiasa dipengaruhi oleh

kos perkhidmatan luaran yang sentiasa berubah dan meningkat, TH terus mempraktikkan perbelanjaan secara berhemah dan terkawal menerusi pelan perniagaan dan pelaburan berkesan, pengurusan risiko berhemah dan kematapan pengurusan operasi yang pada akhirnya memacu TH untuk terus mengukuhkan kedudukan dalam sektor pelaburan patuh syariah. Prestasi TH yang konsisten saban tahun yang lalu mencerminkan komitmen dan usaha berterusan Jemaah Lembaga Pengarah, ahli panel pelaburan, pihak pengurusan dan seluruh anggota TH dalam memastikan penajanaan pulangan yang berterusan serta sokongan padu daripada pendeposit secara amnya.